

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2006/2007

April 2007

**HKT 121 – TEORI DAN KRITIKAN SASTERA**

Masa : 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi LIMA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja.

1. Huraikan unsur-unsur kritikan sastera. Merujuk kepada salah sebuah esei kritikan yang terdapat di dalam buku **Novel Dalam Kritikan** karya Sohaimi Abdul Aziz, bincangkan unsur-unsur kritikan yang terdapat di dalam esei berkenaan.
2. Jelaskan persamaan dan perbezaan di antara genre biografi dan autobiografi. Merujuk kepada karya **Detik-Detik Di Daerah Daif**, karya Shahnnon Ahmad, bincangkan genre karya ini.
3. “Kita bisa mengikuti di sini kisah tentang pejuang yang menjadi gelandangan, menjadi penganggur di negeri merdeka yang ikut ditegakkan, lahirnya kelas priyayi baru yang tetap mendambakan kemewahan tanpa kerja seperti di masa lalu. “Tritunggal”: makan, duit dan wanita, dan moralitas menjadi bumbu yang meramu kisah-kisah yang mengasyikkan.”

Merujuk kepada petikan di atas, bincangkan permasalahan individualisme, hedonisme dan materialisme seperti yang terdapat di dalam cerpen “Berita dari Kebayoran” dan “Biangkeladi ” daripada antologi cerpen **Cerita Dari Jakarta** karya Pramoedya Ananta Toer.

4. Mengikut Victor Shklovsky, “Art is a way of experiencing the artfulness of an object, the object is not important.” Dengan merujuk kepada pandangan Shklovsky ini, bincangkan sebuah puisi daripada Pablo Neruda yang bertajuk “Sewaktu Bersandar Pada Petang” (rujuk lampiran 1) dengan memberi perhatian kepada konsep “penganehan bahasa atau *ostranemie*. Kemudian jelaskan kelemahan pandangan Shklovsky ini di dalam konteks fungsi kesusasteraan.
5. Merujuk kepada novel **Calon Arang**, bincangkan bagaimana pengarangnya iaitu Pramoedya Ananta Toer dikatakan bias gender apabila menghasilkan novel ini.
6. Jelaskan maksud kritikan eko (ecocriticism) dan prinsip-prinsipnya. Berdasarkan prinsip-prinsip itu, bincangkan sebuah puisi yang bertajuk “Balada Terbunuhnya Beringin Tua di Pinggir Sebuah Bandar Raya” (rujuk lampiran 2) karya Usman Awang.

7. Merujuk kepada karya Faisal Tehrani bertajuk **1515**, bincangkan sikap pengarang terhadap kolonialisme. Nyatakan alat wacana dan bagaimana alat itu digunakan untuk memperlihatkan sikap pengarang.
8. Berdasarkan kepada pendekatan sosiologikal, bincangkan maksud priyayi dan keperiyayan seperti yang terdapat di dalam novel **Para Priyayi** karya Umar Kayam.

### **Sewaktu Bersandar Pada Petang**

Sewaktu bersandar pada petang aku menebar jalaku  
ke arah mata lautanmu.

Di sana, dalam nyalaan terganasnya, kesepianku  
melebar dan membakar,  
berputar seperti tangan seorang yang sedang lemas.

Aku kirimkan isyarat melintasi matamu yang kosong,  
yang bergerak seperti laut di tepi rumah api.

Kau hanya menyimpan kegelapan, perempuanku  
yang jauh,  
dari hormatmu kadang-kadang muncul pantai  
ketakutan.

Sewaktu bersandar pada petang aku campakkan jalan  
sedihku  
ke laut yang berdenyut dalam mata lautanmu.

Burung malam mematuk bintang-bintang awal  
yang bergemerlapan seperti jiwaku apabila aku  
mencintaimu.

Malam menunggang laju kuda bayangannya  
menjatuhkan rumbai biru di tanah.

Pablo Neruda.  
Terjemahan Muhammad Haji Salleh

Lampiran 2

**Balada Terbunuhnya Beringin Tua di Pinggir Sebuah Bandar Raya.**

Beingin tua di pinggir jalan raya  
di sebuah ibu kota yang setengah muda  
ratusan tahun usianya berdiri  
menadah matari memayungi bumi  
burung-burung berterbangan menyanyi  
di sini rumah mereka, di sini keluarga bahagia  
kupu-kupu berkejaran dalam senda gurauanya  
anak-anak bermain di keteduhannya.

Tiba-tiba pagi yang hitam itu datang  
gergasi teknologi menyerangnya  
dengan kejam membenamkan gigi-gigi besi  
sehingga terdengarlah jeritan ngeri  
suara Beringin rebah ke bumi.

Sampai sekarang, tiap senjakala lebanyung petang  
Dengarlah suara Beringin mengucapkan pesan:

Selamat tinggal, selamat tinggal wahai awan  
Selamat tinggal, matari selamat tinggal bulan  
Selamat tinggal, kupu-kupu sayings  
Selamat tinggal, wahai burung-burung bersarang  
Selamat tinggal anak-anak bermain riang.

Namaku Beringin pohon tua yang terbang  
dimusuhi oleh rancangan bernama Perbangunan.

Usman Awang